

# **BAB DUA**

## BAB DUA

### PENTADBIRAN KEADILAN JENAYAH ISLAM DI MALAYSIA

#### 2.1 Pendahuluan

Perbincangan penulis dalam bab satu sebelum ini membuktikan bahawa undang-undang Islam khususnya undang-undang jenayah Islam telah dilaksanakan secara menyeluruh dan meluas pada zaman Kesultanan Melayu iaitu sekitar abad ke 15. Sejarah sendiri telah membuktikan realiti ini melalui penguatkuasaan undang-undang bertulis yang berdasarkan prinsip undang-undang Islam seperti Undang-undang Melaka, Undang-undang Pahang, Undang-undang 99 Perak, Undang-undang Pelabuhan Kedah dan Majallah Ahkam Johor. Walaupun begitu, tidak dinafikan bahawa undang-undang bertulis ini masih dipengaruhi adat tradisi masyarakat tempatan.<sup>1</sup>

Malangnya, pelaksanaan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara<sup>2</sup> telah terganggu akibat penjajahan barat bermula seawal tahun 1511 sehingga kemuncak penyingkirannya semasa zaman penaklukan Inggeris (1786-1957). Dalam usaha untuk memperkenalkan prinsip *Common Law* England di Tanah Melayu, Inggeris telah melaksanakan proses yang terancang dan teratur untuk mengenepikan undang-undang Islam. Pengisytiharan Piagam Keadilan dan campur tangan dalam sistem pentadbiran negeri-negeri Melayu adalah sebahagian dari usaha Inggeris untuk mencapai matlamat tersebut. Akhirnya, penggubalan Enakmen

<sup>1</sup> Abdul Jalil Borham (1994), "Kajian Teks Undang-undang Islam Terawal di Malaysia : Rujukan Kepada Undang-undang Melaka dan Johor", *Jurnal Syariah*, Jil. 2 Bil. 2, Julai 1994, h. 114.

<sup>2</sup> Lihat kes *Ramah Iwn. Laton* [1927] 6 F.M.S.L.R. 127. Mahkamah Rayuan Selangor telah membuat perakuan bahawa undang-undang Islam bukanlah undang-undang asing, bahkan ia adalah undang-undang tempatan dan undang-undang negeri serta mestilah diberi pengiktirafan oleh mahkamah.

Undang-undang Sivil 1937 dianggap telah merasmikan pemakaian undang-undang Inggeris di Tanah Melayu.

Kesannya, undang-undang Islam yang dahulunya dikodifikasi mengikut hukum syarak dalam teks Undang-undang Melayu Lama telah diketepikan dan digantikan dengan penggubalan undang-undang khusus bagi hal ehwal pentadbiran hukum Islam. Penjajahan Inggeris juga turut membataskan skop undang-undang Islam dalam aspek kekeluargaan dan keagamaan serta menyempitkan bidang kuasa Mahkamah Syariah sebagai pentadbir keadilan Islam di Malaysia.

Justeru, dalam bab dua ini, penulis akan membincangkan mengenai penubuhan, struktur dan bidang kuasa Mahkamah Syariah sebagai medium pentadbiran keadilan jenayah Islam di Malaysia dan konflik bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah dan Mahkamah Awam khususnya selepas pindaan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, penulis akan menjelaskan mengenai rujukan undang-undang bagi Mahkamah Syariah dalam menguatkuasakan bidang kuasa jenayahnya dengan memfokuskan perbincangan mengenai peruntukan kesalahan jenayah syariah dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam serta perkembangan yang berlaku dalam penggubalan undang-undang jenayah Islam antara tahun 1952 sehingga tahun-tahun 90-an.

## **2.2 Sistem Pentadbiran Mahkamah di Malaysia.**

Natijah daripada penjajahan Inggeris di negara ini telah melahirkan dua institusi kehakiman yang berasingan iaitu Mahkamah Awam<sup>3</sup> dan Mahkamah Syariah.<sup>4</sup> Kedua-dua struktur mahkamah ini mempunyai kuasa, taraf dan kedudukan yang berbeza. Perlembagaan telah menetapkan bidang kuasa kehakiman Awam di bawah Kerajaan Persekutuan sementara kuasa kehakiman syarak yang merupakan bidang kuasa Mahkamah Syariah terletak di bawah kerajaan Negeri. Pengasingan bidang kuasa kehakiman ini telah memberikan kesan terhadap kuasa dan kedudukan Mahkamah Syariah secara keseluruhannya.

### **2.2.1 Penubuhan dan Perkembangan Mahkamah Syariah**

Semasa zaman Kesultanan Melayu, pentadbiran keadilan jenayah di negeri-negeri Melayu dilaksanakan secara menyeluruh oleh Sultan dengan dibantu oleh orang-orang besar termasuk para Imam yang bertindak sebagai hakim-hakim persendirian dengan merujuk undang-undang Islam dan adat tempatan. Di kebanyakan negeri dipercayai tidak wujud institusi kadi yang sistematik, sebaliknya sistem pengadilan dijalankan dalam bentuk tempatan bagi menyelesaikan kes-kes biasa yang berlaku dalam masyarakat.<sup>5</sup> Namun, di Kelantan sedikit berbeza. Sistem pentadbiran keadilan yang sistematik dan diinstitusikan dengan nama Mahkamah Syariah dipercayai telah wujud sejak tahun 1830 sebelum campur tangan Inggeris iaitu semasa pemerintahan Sultan Muhammad I (1800 – 1837). Bidang kuasanya

<sup>3</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 4, 121-131A.

<sup>4</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3(4), 8(5), Jadual Kesembilan, Senarai Dua, Butiran Satu.

<sup>5</sup> Emily Sadka (1968), *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur: University Of Malaya Press, h. 249.

sangat luas merangkumi pengadilan terhadap kes-kes orang-orang Islam dalam semua aspek undang-undang Islam.<sup>6</sup>

Namun, sistem pengadilan dalam bentuk tempatan dan berdasarkan undang-undang Islam di Negeri-negeri Melayu ini telah mengalami perubahan semasa zaman penjajahan Inggeris. Berbeza dengan zaman penjajahan Portugis dan Belanda, sistem pengadilan tempatan masih lagi diamalkan kerana kedua-dua kuasa tersebut tidak berminat mencampuri hal ehwal pentadbiran masyarakat tempatan. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal penjajahan Inggeris iaitu sebelum piagam diperkenalkan, pelaksanaan sistem pentadbiran keadilan Islam yang diamalkan sebelum ini masih boleh dilaksanakan dengan bersyarat, iaitu hendaklah disesuaikan dengan kehendak undang-undang Inggeris yang difikirkan adil dan saksama.<sup>7</sup>

Kemudian, selepas piagam-piagam diperkenalkan di Negeri-negeri Selat, sistem pentadbiran keadilan Islam telah diketepikan dan hanya diambil kira sebagai rujukan undang-undang dalam keadaan supaya tidak berlaku kezaliman sewaktu melaksanakan undang-undang Inggeris.<sup>8</sup> Sebaliknya, semua kes-kes sivil dan jenayah termasuklah yang melibatkan orang-orang Islam kecuali dalam hal ehwal keagamaan dan adat istiadat diputuskan di mahkamah Inggeris berdasarkan undang-undang Inggeris. Dengan itu juga, Inggeris telah menginstitusikan sistem kadi di Tanah Melayu bertujuan untuk menyempitkan bidang kuasa institusi-institusi pengadilan Islam dalam aspek kekeluargaan dan keagamaan sahaja.

<sup>6</sup> Abdullah Alwi Haji Hassan (1996), *The Administration Of Islamic Law In Kelantan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 14.

<sup>7</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid (1997), *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Penerbit UM, h. 151.

<sup>8</sup> *Ibid.*

Mahkamah Kadi dalam bentuk Inggeris yang pertama ditubuhkan oleh Inggeris adalah di Perak melalui perlantikan kadi pada tahun 1880.<sup>9</sup> Diikuti di Selangor pada tahun 1885, Pahang tahun 1887 dan Negeri Sembilan tahun 1893.<sup>10</sup> Penubuhan mahkamah-mahkamah kadi di negeri-negeri Melayu ini tidaklah meletakkan Mahkamah Kadi atau Mahkamah Syariah sebagai mahkamah yang utama berbanding mahkamah Inggeris. Sebaliknya, kedudukan Mahkamah Kadi ini adalah lebih rendah daripada Mahkamah Majistret Inggeris. Ini dapat dilihat di dalam sistem mahkamah di Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu Selangor, Perak dan Pahang pada pertengahan tahun 1900 yang mana Mahkamah Kadi diletakkan di bawah Mahkamah Majistret Kelas Kedua dan mendahului Mahkamah Penghulu.<sup>11</sup> Susunannya adalah seperti berikut;

1. *The Supreme Court*
2. *Courts of a Magistrate of the First Class*
3. *Courts of Magistrate of the Second Class*
4. *Courts of Kathi and of the Assistant Kathi*
5. *Courts of Penghulu*

Keadaan yang sama juga berlaku di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Kedudukan Mahkamah Kadi berada pada tahap terakhir atau kedua terakhir selepas Mahkamah Majistret Kelas Pertama dan Kedua tetapi lebih tinggi atau mendahului Mahkamah Penghulu atau Mahkamah Daerah. Kelantan, yang dipercayai antara negeri terawal yang mewujudkan sistem pentadbiran keadilan juga terpaksa mengikut sistem yang sama yang telah dilaksanakan oleh Inggeris dengan

<sup>9</sup> Moshe Yegar (1979), *Islam and Islamic Institutions in Malaya*, Jerussalem : The Hebrew University, h. 152.

<sup>10</sup> Emily Sadka, *op.cit.*, h. 268.

<sup>11</sup> Moshe Yegar, *op.cit.*

menghadkan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam kes-kes matrimoni dan harta pusaka yang melibatkan orang-orang Islam sahaja.<sup>12</sup> Struktur mahkamah di Negeri-negeri Melayu Tidak bersekutu adalah seperti berikut;

1. *The Court of the State*
2. *The Supreme Court*
3. *The Court of the Magistrate of the First and Second Classes*
4. *Court of Kathi*
5. *Court of Penghulu*

Struktur Mahkamah Kadi di Negeri-negeri Melayu terus menjadi sebahagian daripada struktur mahkamah berdasarkan Ordinan Mahkamah 1946 (Courts Ordinance 1946. Seksyen 3 (d), ordinan tersebut menyatakan;

*'There shall be the following Courts for the administration of civil and criminal law in the Malayan Union;*  
*(a) The Supreme Court comprising the High Court and the Court of Appeal*  
*(b) District Courts*  
*(c) Courts of a Magistrate*  
*(d) The Courts set out in the First Schedule to this ordinance"*

*First Schedule* dalam ordinan 1946 memasukkan mahkamah-mahkamah kadi atau syariah sebagai sebahagian daripada struktur mahkamah di samping Mahkamah Koroner, Mahkamah Penghulu, Mahkamah Majistret kelas ketiga dan Mahkamah Penggawa. Mahkamah-mahkamah kadi tersebut dinyatakan sebagaimana berikut;

1. *Court of the Chief Kathi – Kelantan*
2. *Courts of Kathis – Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu*

---

<sup>12</sup> Abdullah Alwi Haji Hassan, *op.cit.*, h. 12.

3. *Courts of Assistant Kathis* – Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Selangor
4. *Courts of Naib Kathis* – Johor
5. *The Sharaih Court* – Kedah
6. *The Sheriah Court* - Perlis

Ternyata, berdasarkan undang-undang tersebut, pemerintah Inggeris tidak mengasingkan Mahkamah Kadi (*Court of Kathi*) atau di sebahagian negeri dikenali sebagai Mahkamah Syariah sebagai salah satu dari kedudukan yang penting dalam institusi kehakiman di Tanah Melayu. Walaupun terbukti, mahkamah ini hanya diletakkan di tahap yang terakhir mendahului Mahkamah Penghulu dan diberi bidang kuasa yang sangat terbatas mengenai kes-kes keluarga dan jenayah kecil dalam undang-undang Islam. Bagi kes-kes rayuan dari Mahkamah Kadi pada mulanya ia menjadi bidang kuasa Mahkamah Tinggi tetapi kemudiannya rayuan didengar oleh Jawatankuasa Rayuan yang dianggotai oleh para ulama yang dipilih oleh Sultan.<sup>13</sup>

Kedudukan Mahkamah Syariah mula terasing dari hirarki perdana mahkamah-mahkamah di Tanah Melayu apabila Inggeris mewujudkan sistem kehakiman yang baru bagi Persekutuan Tanah Melayu mengikut Ordinan Mahkamah 1948 (Courts Ordinance 1948) yang merupakan pindaan kepada Ordinan Mahkamah 1946. Seksyen 3 (1) dan (2) Ordinan ini tidak memperuntukkan Mahkamah Kadi negeri-negeri sebagai sebahagian daripada struktur mahkamah sebagaimana peruntukan sebelum ini dalam Ordinan 1946. Sebaliknya, ordinan tersebut hanya memperuntukkan Mahkamah Agong (*Supreme Court*), Mahkamah Sesyen (*Session*

---

<sup>13</sup> Ahmad Ibrahim (1995), "Sistem Kehakiman Islam di Malaysia Masa Kini", *Jurnal Hukum*, Bahagian 1, 1995, h. 2.

*Courts), Mahkamah Majistret (Magistrates' Courts) dan Mahkamah Penghulu (Penghulus' Courts)* dalam hirarki mahkamah Persekutuan.

Hasilnya, wujudlah dua struktur kehakiman yang berbeza di Malaysia. Mahkamah Sivil diiktiraf oleh Perlembagaan sebagai Mahkamah Persekutuan berdasarkan Perkara 121 (1) Bahagian 9 PERHAKIMAN dan mempunyai bidang kuasa eksklusif dalam Persekutuan mengikut hirarkinya iaitu Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret. Hirarki Mahkamah Awam ini tidak langsung memasukkan Mahkamah Syariah. Malah undang-undang yang berkaitan dengan kedua-dua mahkamah ini iaitu Akta Mahkamah Kehakiman dan Akta Mahkamah Rendah tidak mengklasifikasikan Mahkamah Syariah sebagai mahkamah di bawah undang-undang tersebut.

Mahkamah Syariah sebaliknya, hanya diperuntukkan sebagai Mahkamah Negeri yang diberi bidang kuasa yang begitu terhad dan diletakkan di bawah kuasa kerajaan negeri berdasarkan peruntukan dalam Jadual Kesembilan Senarai Dua Senarai Negeri Butiran Satu Perlembagaan Persekutuan. Dengan itu, kuasa diberi kepada negeri-negeri untuk membuat undang-undang mengenai penubuhan, pentadbiran dan prosedur Mahkamah Syariah setakat yang tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.<sup>14</sup>

Oleh kerana kedudukannya kini terletak di bawah kuasa-kuasa negeri, maka penubuhan Mahkamah Syariah dan perlantikan Hakim Syarie adalah berdasarkan

<sup>14</sup> Abdul Monir Yaacob (1997), "Shariah Courts in Malaysia : Past, Present and Future", dalam Ahmad Ibrahim *et.al.* (ed), *The Administration of Islamic Law*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 31.

Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak atau Enakmen Mahkamah Syariah bagi negeri-negeri yang telah diluluskan oleh badan perundangan negeri. Perundangan berkenaan yang digubal selaras dengan kehendak Jadual Kesembilan Senarai Dua Perlombagaan Persekutuan adalah seperti Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952<sup>15</sup> bagi Selangor, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1955<sup>16</sup> bagi Terengganu, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1959 bagi Pulau Pinang<sup>17</sup> dan Melaka,<sup>18</sup> Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam bagi Pahang tahun 1956,<sup>19</sup> Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1960<sup>20</sup> bagi Negeri Sembilan, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah 1962,<sup>21</sup> Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perlis 1964<sup>22</sup> dan Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1965<sup>23</sup> bagi Perak.

Berdasarkan undang-undang pentadbiran tersebut, struktur Mahkamah Kadi telah menjadi sama ada dua peringkat iaitu Mahkamah Kadi dan Mahkamah Ulang Bicara bagi negeri Johor dan Kedah atau tiga peringkat iaitu Mahkamah Kadi, Mahkamah Kadi Besar dan Jawatankuasa Ulang Bicara atau Mahkamah Lembaga Rayuan bagi negeri-negeri lain seperti Perak, Pahang dan Negeri Sembilan.<sup>24</sup> Negeri Kelantan pula telah membahagikan struktur Mahkamah Syariah kepada

---

<sup>15</sup> Enakmen No. 3/1952.

<sup>16</sup> Enakmen No. 4/1955.

<sup>17</sup> Enakmen No. 3/1959.

<sup>18</sup> Enakmen No. 1/1959.

<sup>19</sup> Enakmen No. 5/1956.

<sup>20</sup> Enakmen No. 15/1960.

<sup>21</sup> Enakmen No. 9/1962.

<sup>22</sup> Enakmen No. 3/1964.

<sup>23</sup> Enakmen No. 11/1965.

<sup>24</sup> Enakmen Pentadbiran Igama Islam Johor 1978, seksyen 59 dan 60, Enakmen Mahkamah Syariah Kedah 1983, seksyen 3, Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Perak 1965, seksyen 44 dan 46 dan Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982, seksyen 42 dan 44 dan Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan 1960, seksyen 40 dan 42.

empat peringkat iaitu Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Kadi Besar, Mahkamah-mahkamah Kadi Khas dan Mahkamah Kadi Jajahan.<sup>25</sup>

Begitupun, kuasa perundangan yang diberikan kepada kerajaan negeri dalam menggubal, melaksana dan mentadbir undang-undang Islam melalui medium Mahkamah Syariah ini adalah terhad dan tidak boleh melebihi peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan. Ini secara langsung memberi kesan yang besar terhadap kuasa dan taraf Mahkamah Syariah berbanding Mahkamah Awam. Situasi ini juga dilihat sebagai satu limitasi yang boleh melemahkan kedudukan Mahkamah Syariah. Lebih-lebih lagi apabila keputusan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah masih boleh diganggu oleh Mahkamah Awam.

Berikut itu, satu jawatankuasa yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Mengkaji Kedudukan Mahkamah-mahkamah Syariah dan Taraf-taraf Kadi Seluruh Malaysia telah ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang dipengerusikan oleh Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tun Syed Nasir bin Ismail pada 4hb. September 1972 bagi mengkaji kedudukan Mahkamah Syariah di negeri-negeri.<sup>26</sup> Laporan jawatankuasa itu telah siap disediakan pada tahun 1981 dan mengandungi beberapa perakuan mengenai Mahkamah Syariah seperti kedudukan mahkamah, organisasinya, pegawai-pegawaiannya, bangunan Mahkamah, perjalanan dan tugas-tugas yang dijalankan oleh mahkamah dan juga berhubung dengan undang-undang yang ditadbirkan oleh Mahkamah Syariah.

<sup>25</sup> Enakmen Mahkamah Syariah Kelantan No. 3 1982, seksyen 8(1).

<sup>26</sup> Laporan Jawatankuasa Mengkaji Kedudukan Mahkamah-mahkamah Syariah dan Taraf-taraf Kadi Seluruh Malaysia, 1981, h. 7

Jawatankuasa ini dalam laporannya kepada kerajaan Malaysia telah membuat saranan:

- (a) Pentadbiran Mahkamah Syariah hendaklah dipisahkan daripada pentadbiran Majlis Agama Islam negeri-negeri;
- (b) Status dan bidang kuasa Mahkamah Syariah hendaklah diperbaiki; dan
- (c) Status dan kedudukan Hakim Mahkamah-mahkamah Syariah hendaklah dipertingkatkan dan suatu perkhidmatan kehakiman dan perundangan ditubuhkan bagi hakim-hakim dan pegawai-pegawai Mahkamah Syariah dan pendakwa.<sup>27</sup>

Rentetan daripada laporan Jawatankuasa tahun 1981 ini, satu Jawatankuasa Peringkat Pegawai telah ditubuhkan pada 10 Mac 1982 yang dipengerusikan oleh Dr. Zakaria Mohd Yatim, Peguamcara Negara. Jawatankuasa ini bertujuan menyemak dan mengkaji semula Laporan 1981 bagi maksud memperbaiki sistem pentadbiran Mahkamah Syariah yang kemas dan bebas di negara ini sesuai dengan perubahan semasa.<sup>28</sup> Jawatankuasa ini telah membuat perakuan dan saranan baru bagi mengemaskini Laporan 1981 berhubung dengan Mahkamah Syariah, pegawai-pegawai dan sistem pentadbiran Mahkamah Syariah iaitu:

- (a) Mewujudkan organisasi Mahkamah Syariah yang lengkap bagi tiap-tiap negeri mengandungi Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah;
- (b) Mewujudkan Mahkamah Syariah yang bebas dan tanpa gangguan mana-mana pihak;

---

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> Laporan Jawatankuasa Peringkat Pegawai Mengenai Laporan Jawatankuasa Mengkaji Kedudukan Mahkamah-mahkamah Syariah dan Taraf-taraf Kadi Seluruh Malaysia 1981, Mac 1982

- (c) Meminda Perlembagaan dengan mengadakan peruntukan bagi menjamin kebebasan Mahkamah Syariah;
- (d) Meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri berkenaan dengan penubuhan struktur Mahkamah Syariah yang baru dan perlantikan hakim.<sup>29</sup>

Hasil daripada laporan-laporan tersebut, pembaharuan telah dibuat membabitkan pentadbiran, bidang kuasa dan susunan Mahkamah Syariah negeri-negeri di Malaysia. Antaranya, pentadbiran Mahkamah Syariah telah dipisahkan daripada kawalan Majlis Agama Islam negeri.<sup>30</sup> Perubahan ini mewujudkan tiga pihak yang berkuasa bebas dan eksklusif dalam pentadbiran agama Islam negeri-negeri iaitu Majlis Agama Islam, Jabatan Mufti dan Mahkamah Syariah. Sebelum ini, Mahkamah Syariah diletakkan di bawah Majlis bersama dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Mufti sebagai organisasi pentadbiran agama di setiap negeri. Kedudukannya yang menjadi sebahagian daripada pentadbiran Jabatan Agama itu menjadikan kuasa mahkamah terhad dan terkongkong serta mengurangkan kredibilitinya. Ini kerana para hakim dan pegawai mahkamah terikat dengan kawalan dan polisi Majlis dan Jabatan Agama sendiri.

Begitu juga dengan struktur Mahkamah Syariah yang telah dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah.<sup>31</sup> Setiap mahkamah ini mempunyai bidang kuasa tersendiri seperitimana yang diperuntukkan dalam undang-undang pentadbiran agama

---

<sup>29</sup> *Ibid*, h. 9.

<sup>30</sup> Pemisahan pentadbiran Mahkamah Syariah dari kuasa Majlis adalah kesan daripada pindaan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1988.

<sup>31</sup> Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor No. 2 1989, seksyen 42,43,48.

Islam negeri-negeri. Struktur yang baru ini adalah hasil daripada penyusunan semula pentadbiran Mahkamah Syariah bagi membolehkannya mempunyai hirarki yang seragam, cekap dan mantap walaupun terasing daripada institusi kehakiman awam.

Pada dasarnya, kebanyakan negeri-negeri di Malaysia telah membuat pembaharuan ini iaitu mengasingkan Mahkamah Syariah daripada Majlis Agama Islam dan membentuk tiga peringkat mahkamah bagi mengemaskini pentadbiran undang-undang Islam dalam mahkamah negeri masing-masing. Di Selangor umpamanya, Mahkamah Syariah Selangor telah dipisahkan pentadbirannya daripada Jabatan Agama Islam Selangor dan ditadbir selia sendiri oleh Ketua Hakim Syarie pada 1 September 1991 selepas pelaksanaan Enakmen Perundangan Islam Selangor No. 2 tahun 1989.<sup>32</sup> Selain itu, negeri-negeri terawal yang menyambut baik cadangan tersebut adalah Negeri Sembilan dengan penggubalan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991<sup>33</sup> dan Pahang dengan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991.<sup>34</sup> Diikuti seterusnya oleh negeri-negeri yang lain dengan berkuatkuasanya Enakmen Pentadbiran Agama Islam masing-masing yang memansuhkan enakmen pentadbiran yang terdahulu.

Lebih daripada itu, hasil laporan tersebut juga sebenarnya telah membawa kepada usaha untuk meminda Perkara 121 dalam Perlumbagaan Persekutuan yang dianggap menyekat bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah. Sehingga akhirnya pada tahun 1988, peruntukan tersebut telah dipindah dengan menambah (1A) iaitu;

<sup>32</sup> "Kerajaan Negeri Selangor", <http://www.selangor.gov>. (30 November 2000).

<sup>33</sup> Enakmen No. 1/1991.

<sup>34</sup> Enakmen No. 3/1991.

“Mahkamah-mahkamah yang dsebutkan dalam Fasal (1) tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah”.

Sesungguhnya, pindaan ini sedikit sebanyak telah meningkatkan taraf dan kedudukan Mahkamah Syariah dan ia tidak lagi dipandang rendah oleh Mahkamah Sivil. Ini kerana percanggahan antara Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Syariah tidak akan timbul lagi kerana menurut pindaan tersebut mana-mana perkara yang boleh dibawa ke Mahkamah Syariah, Mahkamah Tinggi tidak lagi mempunyai bidang kuasa ke atasnya.<sup>35</sup>

Selain itu, kewibawaan Mahkamah Syariah semakin besar apabila bidang kuasa Hakim Syarie dinaikkan. Pindaan Perkara 5 (4) Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 membenarkan Hakim Syarie mengeluarkan perintah menangkap pesalah. Sebelumnya, Hakim Syarie tidak boleh mengeluarkan arahan menangkap pesalah melebihi 24 jam. Kesannya, ia menyulitkan bahagian penguatkuasa agama menjalankan siasatan mengenai sesuatu kes syariah kerana penahanan tidak boleh lebih daripada 24 jam. Pindaan ini sekurang-kurangnya telah menyamakan kuasa Hakim Syarie dengan kuasa majistret dalam perkara tangkapan.

Seterusnya, penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (selepas ini disebut sebagai JKSM) pada 1 Mac 1998 juga dianggap satu perkembangan yang sangat baik dalam pentadbiran Mahkamah Syariah di Malaysia. Ia adalah sebagai satu langkah awal ke arah penyeragaman dan penggunaan undang-undang yang sama bagi Mahkamah Syariah di semua negeri di Malaysia sebagaimana yang disarankan

<sup>35</sup> Mahamad b. Arifin (1999), Islam dalam Perlembagaan Persekutuan, dalam Ahmad Ibrahim *et.al.*, *Perkembangan Undang-undang Perlembagaan Persekutuan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 126.

oleh satu jawatankuasa yang ditubuhkan pada tahun 1996 oleh Jabatan Kemajuan Hal Ehwal Islam yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada masa itu iaitu Tan Sri Ahmad Sarji b. Abdul Hamid. Jawatankuasa ini telah mengeluarkan satu Laporan Cadangan Penyusunan Undang-undang Mahkamah Syariah bagi mencapai hasrat keseragaman undang-undang Mahkamah Syariah.<sup>36</sup> Buat masa ini enam negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Melaka dan Pulau Pinang telah mendapat manfaat perkhidmatan usaha sama di bawah JKSM khususnya berkaitan dengan khidmat hakim-hakim bagi menyelesaikan kes-kes tertangguh.<sup>37</sup>

Dengan perkembangan ini, pentadbiran Mahkamah Syariah lebih cekap, berwibawa dan mampu menjalankan bidang kuasanya yang sedikit dan terhad secara eksklusif.

## **2.2.2 Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah**

Dalam pelaksanaan sistem kehakiman Islam yang berteraskan keadilan dan kesamarataan dalam kes-kes yang dibicarakan, satu perkara yang tidak boleh diabaikan adalah mengenai bidang kuasanya. Dalam sistem kehakiman Islam, sebenarnya ia adalah sistem perundangan yang mempunyai bidang kuasa yang luas. Ia bukan terbatas kepada skop tertentu seperti perkahwinan dan perceraian, tetapi merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Malah ia menjadi medan bagi menjana keadilan dan menghindar kepincangan dalam masyarakat.

---

<sup>36</sup> Laporan No. 5/ 1996.

<sup>37</sup> Temubual bersama Ustaz Yahaya b. Mat Zain, Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelarasian Undang-undang, JAKIM pada 25 Mei 2004 jam 3.00 petang.

Merujuk sistem kehakiman Islam di Malaysia, bidang kuasa Mahkamah Syariah diakui begitu sempit dan terbatas berbanding bidang kuasa Mahkamah Awam. Ini kerana Mahkamah Syariah tertakluk kepada peruntukan dalam Perlembagaan dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984.

Sebelum kemerdekaan, peranan Mahkamah Syariah telah mula dikecilkkan. Bidang kuasanya dibataskan hanya dalam aspek keagamaan dan mahkamah ini juga berada dalam kedudukan yang sangat rendah dalam hirarki mahkamah di Tanah Melayu pada masa itu. Keadaan ini berlanjutan sehingga kemerdekaan. Selepas kemerdekaan, Perlembagaan telah memberi kuasa menggubal undang-undang kepada negeri bagi menyusun organisasi, sistem dan prosedur Mahkamah Syariah. Perlembagaan juga telah menentukan bidang kuasa Mahkamah Syariah dan had undang-undang Islam yang boleh dilaksanakan di dalam negeri-negeri di Malaysia.

Secara umumnya, undang-undang Islam yang dimaksudkan dalam Perlembagaan adalah terbatas kepada undang-undang diri (*personal law*) yang tidak mempunyai kuasa menyeluruh. Walaupun agama Islam sebagai agama Persekutuan<sup>38</sup> tetapi peruntukan ini tidak memberi sebarang kesan perundangan dan tidak melibatkan isu pemakaian undang-undang Islam di peringkat Persekutuan.<sup>39</sup> Malah undang-undang Islam hanya boleh dikuatkuasakan terhadap orang-orang Islam dan dalam bidang yang amat terbatas dengan limitasi dalam Perlembagaan yang menyempitkan lagi bidang kuasanya yang sedia sempit.

---

<sup>38</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3(1).

<sup>39</sup> L.A Sheridan dan Harry E. Grove (1979), *The Constitution Of Malaysia*. Singapura : Malayan Law Journal, h. 37.

Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan secara terperinci batasan undang-undang diri dalam skop undang-undang Islam di Malaysia iaitu;

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraiian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf Islam dan ta’rif serta peraturan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, yayasan, amanah. Khairat dan yaayasan khairat yang dijalankan, kesemuanya sekali dalam negeri; adat istiadat Melayu; zakat fitrah dan baitul mal atau hasil ugama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukum kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang Persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu”.<sup>40</sup>

Berdasarkan peruntukan di atas, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dalam undang-undang jenayah Islam yang amat terbatas. Malah ia tertakluk kepada perkara-perkara berikut:<sup>41</sup>

Pertama; badan perundangan negeri tidak mempunyai kuasa mengadakan undang-undang bagi kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam Senarai Persekutuan.

<sup>40</sup> Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan Senarai Dua Senarai Negeri Butiran Satu.

<sup>41</sup> Mohd Yusof Abdul Rashid (1979), *Hukuman Sebat*. Kuala Lumpur : Institut Dakwah dan Latihan Islam Jabatan Perdana Menteri, h. 12-14.

Kuasa membuat undang-undang jenayah Islam oleh badan perundangan negeri telah dibataskan dengan peruntukan yang menyebut :

“mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang Islam terhadap rukun-rukun Islam kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam senarai Persekutuan...”

Ini bermakna, walaupun Senarai Dua Butiran Satu telah memperuntukkan bidang kuasa Islam kepada kerajaan negeri, tetapi banyak undang-undang Persekutuan yang mengehadkan bidang kuasa dan pemakaian undang-undang negeri. Dalam bidang kuasa jenayah bagi Persekutuan, apa yang diperuntukkan dalam Senarai Persekutuan adalah lebih luas dan eksklusif berbanding Senarai Negeri iaitu;

“mengadakan kesalahan-kesalahan mengenai apa-apa perkara yang termasuk dalam senarai Persekutuan atau yang diselenggarakan di bawah Undang-undang Persekutuan...”<sup>42</sup>

Oleh itu, undang-undang jenayah Islam yang digubal di peringkat negeri tidak boleh bertentangan atau bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan.

Kedua; Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa ke atas orang yang menganut agama Islam dan mengenai perkara-perkara yang disebut dalam Senarai Negeri Butiran Satu.

Mengenai bidang kuasa Mahkamah Syariah ini, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan secara melalui kenyataan berikut:

---

<sup>42</sup> Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan Senarai 1 Senarai Persekutuan Butiran 4(h).

“...keanggotaan, penyusunan dan acara bagi Mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini..”

Dalam memperkatakan isu mengenai bidang kuasa Mahkamah Syariah yang sangat terhad kepada orang Islam ini, Tun Mohamed Suffian Hashim selaku Bekas Ketua Hakim Negara sendiri memperakui bahawa:

*“Of significance is the qualification that Muslim Courts established by State authorities have jurisdiction only over Muslims and have no jurisdiction in respect of offences except in so far as conferred by Federal Law. The Muslim Courts (Criminal Jurisdiction) Act, 1965 has been enacted to confer on them jurisdiction over offences against precepts of Islam committed by Muslims”.*<sup>43</sup>

Berbanding Mahkamah Awam, Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa yang luas. Ia hanya dibataskan kepada pihak-pihak yang beragama Islam sahaja. Tidak mempunyai kuasa ke atas orang bukan Islam walaupun dia merupakan satu pihak dalam kes-kes jenayah atau mal di bawah undang-undang Mahkamah Syariah. Malah, dengan keterbatasan ini, memungkinkan seseorang yang beragama Islam mengisyiharkan dirinya murtad dan keluar dari Islam bagi melepaskan dirinya dari tindakan mahkamah atas kesalahan yang dilakukan. Bukan sedikit kes yang menimbulkan implikasi ini iaitu satu pihak mendakwa telah murtad sebagai jalan penyelesaian untuk lari dari undang-undang yang dikuatkuasakan di Mahkamah Syariah.<sup>44</sup>

Lebih daripada itu, keterbatasan ini juga dapat dibuktikan melalui bidang kuasa terhad yang diberikan kepada negeri-negeri setakat yang disenaraikan dalam

<sup>43</sup> Mohamed Suffian Hashim (1976), *An Introduction To The Constitution of Malaysia*, Cet. 2. Kuala Lumpur: Government Printer, h. 248.

<sup>44</sup> Lihat contohnya kes *Faridah bt. Dato' Talib lwn. Mohamed Habibullah* [1990] M.L.J 74, Pemohon telah mengisyiharkan dirinya murtad sebagai helah untuk mendapatkan perceraian daripada suaminya dan mengelakkan prosiding perceraian berpanjangan di Mahkamah Syariah.

Perlembagaan. Rumusannya, dalam peruntukan jenayah syariah, ia sangat terbatas dan terhad kepada kesalahan-kesalahan jenayah yang berkaitan dengan prinsip keagamaan sahaja seperti keingkaran terhadap rukun Islam, kesalahan matrimoni dan sebagainya.

Ketiga; Mahkamah Syariah tertakluk kepada undang-undang Persekutuan dalam menjalankan bidang kuasa hukumannya.

Berdasarkan peruntukan undang-undang, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa yang sangat terbatas sama ada dari segi jenis-jenis kesalahan yang boleh dibicarakan mahupun dari segi hukuman yang boleh dikenakan ke atas pesalah-pesalah jenayah syariah berkenaan. Malah ia tertakluk kepada undang-undang Persekutuan. Ini dijelaskan melalui peruntukan berikut :

“...tetapi tidak mempunyai bidang kuasa kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang Persekutuan...”

Ini bermakna, mahkamah ini tidak diberi kuasa sewenang-wenangnya dalam menjatuhkan hukuman kerana ia tertakluk kepada peruntukan dalam Perlembagaan. Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 telah memperuntukkan bidang kuasa mahkamah dalam mengenakan hukuman kepada pesalah jenayah syariah. Kadar hukuman yang boleh dijatuhkan oleh hakim adalah terlalu rendah, iaitu penjara tidak lebih enam bulan dan denda tidak lebih seribu ringgit. Kesannya, matlamat membanteras jenayah syariah iaitu menghalang berlakunya maksiat, tidak tercapai. Sebaliknya, pesalah berasakan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim itu tidak dapat mendidik dan menghalang mereka daripada tidak melakukan maksiat.

Walau bagaimanapun, Akta Mahkamah Syariah ini telah dipinda kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984. Pindaan ini telah memberikan kuasa yang lebih kepada Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman yang lebih berat terhadap kesalahan jenayah syariah iaitu hukuman penjara dari enam bulan kepada tiga tahun, atau apa-apa denda sehingga lima ribu ringgit dan ditambah dengan hukuman sebat sebanyak enam kali rotan atau kombinasi mananya daripada hukuman tersebut.

### **2.2.3 Struktur Mahkamah Syariah**

Sebagaimana dijelaskan sebelum ini, struktur Mahkamah Syariah terbahagi kepada tiga peringkat iaitu Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah. Dalam perkara-perkara jenayah, bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah ialah membicarakan semua kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam yang tertakluk di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak atau Enakmen Undang-undang Keluarga Islam atau Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah bagi sesetengah negeri atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah membicarakan sebarang kesalahan.<sup>45</sup> Mahkamah boleh mengenakan sebarang hukuman yang telah diperuntukkan kepadanya oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984.

Manakala, Mahkamah Rendah Syariah pula mempunyai bidang kuasa membicarakan sebarang kesalahan yang hukuman maksimumnya tidak melebihi tiga

---

<sup>45</sup> Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor No. 2 1989, seksyen 42, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan 1991, seksyen 41.

ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.<sup>46</sup>

Mengenai rayuan pula, Mahkamah Tinggi Syariah dalam perkara jenayah boleh menolak rayuan, mensabit, menambah atau meminda bentuk hukuman, memerintahkan perbicaraan semula atau membatalkan sebarang perintah mahkamah yang membicarakan kes itu.<sup>47</sup> Sementara Mahkamah Rayuan Syariah berfungsi mendengar dan memutuskan sesuatu rayuan terhadap keputusan-keputusan yang dibuat Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan tugasnya daripada bidang kuasa asalnya.<sup>48</sup>

Berbanding Mahkamah Syariah, Mahkamah Awam mempunyai bidang kuasa yang lebih luas mengatasi bidang kuasa Mahkamah Syariah. Ia mempunyai bidang kuasa yang eksklusif terhadap semua jenis kesalahan jenayah yang dilakukan oleh orang Islam atau bukan Islam kecuali yang disenaraikan kepada Mahkamah Syariah. Malah Mahkamah Majistret Kelas Satu iaitu mahkamah kedua terendah dalam hirarki Mahkamah Awam di Malaysia mempunyai kuasa yang lebih luas dalam perkara jenayah berbanding Mahkamah Syariah.

Menurut Seksyen 85 Akta Mahkamah Rendah 1948, Mahkamah Majistret Kelas Satu mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan segala kesalahan yang tempoh maksimum penjara yang diperuntukkan oleh undang-undang tidak melebihi

<sup>46</sup> Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor No. 2 1989, seksyen 43, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan 1991, seksyen 42.

<sup>47</sup> Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor No. 2 1989, seksyen 46, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan, seksyen 43.

<sup>48</sup> Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor No. 2 1989, seksyen 48, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan 1991, seksyen 47.

sepuluh tahun penjara atau yang boleh dihukum dengan denda RM10,000 dan kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 392 dan 457 Kanun Keseksaan.

Mahkamah Tinggi sendiri mempunyai bidang kuasa membicarakan semua kesalahan yang dilakukan dalam bidang kuasa tempatannya sama ada di laut atau di darat dan juga membicarakan kesalahan-kesalahan di bawah Bab VI Kanun Keseksaan serta berhak menjatuhkan hukuman mati.<sup>49</sup> Sementara Mahkamah Sesyen yang merupakan Mahkamah Rendah yang tertinggi mempunyai kuasa membicarakan semua kesalahan melainkan kesalahan yang boleh dihukum mati.<sup>50</sup> Ini bermakna Mahkamah Sesyen boleh menjatuhkan apa-apa hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang melainkan hukuman mati.

Perbandingan bidang kuasa ini memperlihatkan bahawa bidang kuasa yang diberi oleh undang-undang Persekutuan kepada Mahkamah Syariah adalah jauh lebih rendah dari Mahkamah Awam. Malah mahkamah yang kedua terendah dalam hirarkinya juga mempunyai bidang kuasa yang jauh lebih luas. Walaupun pindaan telah dibuat terhadap Akta Mahkamah Syariah (bidang kuasa Jenayah) 1984, ia tidak banyak membantu meningkatkan kuasa Mahkamah Syariah dalam menjatuhkan hukuman.

## **2.2.4 Konflik Bidang Kuasa Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Awam**

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 (Akta 704) telah membuka lembaran baru kepada status Mahkamah Syariah apabila

---

<sup>49</sup> Akta Mahkamah Kehakiman 1964, seksyen 22.

<sup>50</sup> Akta Mahkamah Rendah 1948, seksyen 63.

Perkara 121 dipinda.<sup>51</sup> Pindaan ini membolehkan Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasanya yang tersendiri. Mahkamah ini diberi kuasa penuh menyelesai dan memutuskan perkara-perkara dalam bidang kuasanya dan tiada ruang lagi bagi rayuan di Mahkamah Awam.

Sebelum pindaan dibuat, Mahkamah Awam mempunyai bidang kuasa sama dengan Mahkamah Syariah. Ini bermakna, keputusan yang dibuat di Mahkamah Syariah boleh dirayu di Mahkamah Awam. Jika berlaku percanggahan, maka keputusan Mahkamah Awam lebih muktamad seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (enakmen induk). Sebagai contoh Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor 1952. Seksyen 45 (6) enakmen ini memperuntukkan :

“ tidak ada apa-apa yang terdapat dalam enakmen ini akan mengganggu bidang kuasa Mahkamah Kadi Besar atau seorang kadi dengan keputusan Mahkamah Sivil yang bertindak dalam bidang kuasanya, keputusan Mahkamah Sivil mengatasi ”

Akibatnya, banyak keputusan-keputusan yang telah dibuat di Mahkamah Syariah, dipinda atau dibatalkan oleh Mahkamah Awam. Umpamanya kes *Myriam lwn. Arif*,<sup>52</sup> kes *Ainan lwn. Syed Abu Bakar*<sup>53</sup> dan banyak lagi yang jelas mengubah keputusan asal yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Oleh itu, dengan pindaan terbaru ini, ia dapat mengelakkan konflik di antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Awam.

---

<sup>51</sup> Pindaan 121 (1A) berkuatkuasa pada 10 Jun 1988.

<sup>52</sup> [1971] *M.L.J* 265.

<sup>53</sup> [1939] *M.L.J* 209.

Keberkesanan pindaan ini telah dibuktikan melalui kes *Mohamed Habibullah b. Mahmud* lwn. *Faridah bt. Dato' Talib*.<sup>54</sup> Merujuk keputusan kes ini, ternyata pindaan 121 (1A) telah menyingkirkan bidang kuasa Mahkamah Awam ke atas Mahkamah Syariah apabila pihak yang terlibat beragama Islam. Mahkamah Agong dalam penghakimannya menyatakan :

“pihak-pihak dalam kes ini beragama Islam dan mereka adalah suami isteri. Tuduhan serangan dan serang sentuh oleh Plaintiff jatuh di bawah seksyen 127 Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984 dan mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa memberi injunksi di bawah seksyen 107 Akta berkenaan. Sudah pasti bahawa Mahkamah Syariah telah diberi bidang kuasa mengenai perkara itu di hadapan Mahkamah Tinggi di dalam kes ini”

Begitu juga dalam kes-kes yang berkaitan isu murtad iaitu apabila timbul isu seseorang Islam itu murtad, isu itu hanya boleh didengar dan diputuskan di Mahkamah Syariah. Kes-kes seperti *Dalip Kaur* lwn. *Pegawai Polis Daerah Bukit Mertajam*<sup>55</sup> dan *Soon Singh* lwn. *Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Kedah*<sup>56</sup> membuktikan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam isu ini selepas pindaan Perkara 121 tersebut.

Namun, perlu diakui bahawa pindaan yang dibuat itu belum mencukupi untuk menjadikan Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasanya yang benar-benar eksklusif. Ini kerana masih ada ruang lagi sebenarnya untuk Mahkamah Awam campur tangan dalam kes yang melibatkan bidang kuasa Mahkamah Awam khususnya dalam kes-kes jenayah. Dengan itu, boleh ditafsirkan bahawa bidang kuasa yang dianugerahkan kepada Mahkamah Syariah melalui pindaan itu bukanlah secara eksklusif.

---

<sup>54</sup> [1992] 2 *M.L.J* 793.

<sup>55</sup> [1992] 1 *M.L.J* 1.

<sup>56</sup> [1999] 1 *M.L.J* 489.

Konflik yang paling jelas melibatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Awam selepas pindaan adalah dalam kes *Sukma Darmawan Sasmitaat Madja lwn. Ketua Pengarah Penjara Malaysia & Anor*<sup>57</sup>. Dalam kes ini, pemohon yang dijatuhkan hukuman penjara enam bulan oleh Mahkamah Sesyen atas kesalahan di bawah seksyen 377D Kanun Keseksaan telah membuat rayuan di tiga peringkat mahkamah iaitu Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan akhir sekali di Mahkamah Persekutuan.

Dalam ketiga-tiga rayuan yang dibuat, antara lain pemohon telah mengemukakan permohonan untuk mengisyiharkan tahanan penjara tersebut adalah tidak sah dan batal. Ini kerana; Pertama : Mahkamah Sesyen tidak berkuasa mendengar, menyabit atau menghukum pemohon berdasarkan peruntukan perkara 121 (1A) dan kedua; peruntukan di bawah seksyen 25 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997<sup>58</sup> telah menyingkirkan bidang kuasa Mahkamah Sesyen.

Beigutpun, dalam keputusan rayuan di semua peringkat mahkamah, nampaknya tujuan asal pindaan perkara 121 (1A) telah diketepikan. Bahkan diperakui bahawa Mahkamah Sesyen mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan dan menjatuhkan hukuman dalam kes tersebut. Ini kerana pertuduhan di Mahkamah

---

<sup>57</sup> [1998] 4 M.L.J 742.

<sup>58</sup> Seksyen 25 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan kesalahan liwat : Mana-mana orang lelaki yang melakukan liwat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu. Liwat diatfsirkan dalam Seksyen 2 sebagai perhubungan seks sesama lelaki

Sesyen dibuat berdasarkan seksyen 377D Kanun Keseksaan<sup>59</sup> atas kesalahan keluahan melampau yang lebih luas berbanding peruntukan liwat dalam seksyen 25 Akta Kesalahan Jenayah Syariah 1997. Manakala pemakaian Kanun Keseksaan lebih luas dan umum kepada semua orang tanpa mengira pegangan agama atau bangsa. Sedangkan peruntukan dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah khusus kepada pemastautin beragama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan sahaja.

Malah, Mahkamah Persekutuan dalam penghakimannya terhadap rayuan kes ini juga menyatakan bahawa apabila wujud bidang kuasa yang sama antara Mahkamah Awam dan Mahkamah Syariah, maka salah satu mahkamah boleh membicarakan kes tersebut berdasarkan kehendak pihak-pihak berkenaan dalam kes. Tetapi tidak dinyatakan kriteria yang membolehkan mahkamah-mahkamah tersebut memperolehi bidang kuasa. Inilah yang sebenarnya perlu diselesaikan bagi mengelakkan konflik bidang kuasa berpanjangan.<sup>60</sup>

Dalam membicarakan isu ini dari sudut bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah, Pindaan 121 sebenarnya memberi kuasa yang jelas kepada Mahkamah Syariah untuk membicarakan kes ini. Apatah lagi, ada peruntukan dalam undang-undang jenayah syariah manakala kedua-dua pihak pula beragama Islam. Tetapi bidang kuasa mengenai perkara itu tidak dianugerahkan secara khusus kepada Mahkamah Syariah. Ini kerana Mahkamah Sesyen dianggap mahkamah yang paling

<sup>59</sup> Seksyen 377D Kanun Keseksaan memperuntukkan kesalahan melanggar kesopanan : mana-mana orang lelaki yang melakukan atau bersubahat melakukan, atau mendapat atau mencuba mendapat supaya dilakukan oleh mana-mana orang lelaki, apa-apa perbuatan keluahan melampau dengan seorang lelaki lain di tempat awam atau di tempat persendirian, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun.

<sup>60</sup> Lihat perbincangan lebih lanjut di dalam Narizan Abdul Rahman (1999), "Isu-isu Semasa Bidang kuasa Mahkamah Syariah : Satu Sorotan Dalam Kes Jenayah Syariah (Liwat)", *Jurnal Syariah*, Jil. 7 Bil. 2, Julai 1999, h. 76.

kompeten untuk membicarakan kes itu berdasarkan fakta-fakta perundangan yang jelas.<sup>61</sup>

Oleh itu, perkara utama yang perlu dinilai bagi mengatasi konflik ini adalah kembali kepada tujuan sebenar pindaan tersebut iaitu untuk menyingkirkan bidang kuasa Mahkamah Awam dari Mahkamah Syariah. Juga menghalang pihak-pihak yang tidak berpuashati dengan keputusan Mahkamah Syariah memohon semakan keputusan oleh Mahkamah Awam bagi mengelakkan sebarang konflik penghakiman. Adalah jelas bahawa pindaan itu hanya bermaksud bidang kuasa eksklusif di dalam kes-kes bukan jenayah.

### **2.3 Peruntukan Kesalahan Jenayah Syariah di Bawah Bidang Kuasa Mahkamah Syariah**

Rasional perbincangan bahagian ini adalah bertujuan untuk menjelaskan sumber rujukan undang-undang bagi Mahkamah Syariah di Malaysia dalam menguatkuasakan bidang kuasa jenayahnya antara tahun 1952 hingga tahun 1978 dan tahun 90-an hingga kini. Sesuai dengan perkembangan zaman pada awal kemerdekaan, bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah hanya setakat membicarakan kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam EPAI yang ternyata sangat sempit dan terbatas. Seterusnya lewat tahun 90-an hingga sekarang, bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah adalah merujuk kepada Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri (selepas ini disebut sebagai EKJS) di samping

---

<sup>61</sup> *Ibid.*

peruntukan sampingan mengenai kesalahan jenayah dalam undang-undang Islam yang lain.

### **2.3.1 Rujukan Undang-undang Jenayah Mahkamah Syariah Tahun 1952 – 1980-an**

Pada awal tahun 50-an sehingga akhir tahun 80-an, badan perundangan negeri-negeri di Malaysia telah memperuntukkan undang-undang berkaitan kesalahan jenayah syariah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam EPAI negeri masing-masing.<sup>62</sup> Jelasnya, undang-undang yang digubal dalam enakmen ini adalah setakat yang dibenarkan oleh Perlembagaan berdasarkan Jadual Kesembilan Senarai Dua Senarai Negeri.

Walaupun wujud ketidakseragaman dalam aspek pentadbiran undang-undang Islam dalam enakmen negeri-negeri, kebanyakan negeri menyenaraikan enakmen tersebut mengikut klasifikasi berikut dengan meletakkan bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan dalam bahagian kesembilan (IX):<sup>63</sup>

- I. Permulaan
- II. Penubuhan Majlis
- III. Mahkamah Syariah

---

<sup>62</sup> Selain daripada peruntukan kesalahan, enakmen tersebut juga mengandungi perkara-perkara berkaitan kekeluargaan, kehartaan, pewarisan dan penubuhan institusi pentadbiran agama Islam seperti Majlis Agama Islam dan penubuhan institusi pentadbiran agama Islam seperti Majlis Agama Islam dan Mahkamah Syariah

<sup>63</sup> Lihat contohnya Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah No. 9 1962, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Melaka No. 1 1959, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pulau Pinang No. 3 1959 dan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor No. 3 1952.

- IV. Baitul mal dan zakat
- V. Perlantikan dan penubuhan mahkamah
- VI. Nikah, cerai dan rujuk
- VII. Nafkah, tanggungan dan hadanah
- VIII. Murtad dan keluar dari Islam
- IX. Kesalahan-kesalahan
- X. Perkara-perkara am.

Merujuk kesalahan-kesalahan jenayah syariah dalam enakmen-enakmen berkenaan, peruntukannya terlalu sedikit dan tidak menyeluruh walaupun merangkumi banyak jenis kesalahan seperti kekeluargaan (matrimoni), amalan agama, pentadbiran hukum Islam dan kesalahan berhubung kesejahteraan dan ketenteraman awam. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pulau Pinang<sup>64</sup> umpamanya, hanya memperuntukkan 26 seksyen sementara Enakmen Pentadbiran Igama Islam Johor<sup>65</sup> mengandungi 44 peruntukan kesalahan. (Lihat Jadual 2.1)

---

<sup>64</sup> Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pulau Pinang No. 3 1959, seksyen 142 – 167.

<sup>65</sup> Enakmen Pentadbiran Igama Islam Johor No. 14 1978, seksyen 142 – 185.

**Jadual 2.1 : Peruntukan Kesalahan Jenayah Syariah dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia**

Statut	Bahagian	Seksyen	Jumlah peruntukan
EPAI Selangor 1952	IX	149 – 175	27
EPAI Pahang 1956	IX	134 – 187	54
EPAI Melaka 1959	IX	140 – 166	27
EPAI Pulau Pinang 1959	IX	142 – 167	26
EPAI Negeri Sembilan 1960	IX	141 – 169	29
EPAI Kedah 1962	IX	142 – 169	28
EPAI Perlis 1964	XI	110 – 133	24
EPAI Perak 1965	IX	148 – 185	38
Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966	VI	59 – 80	22
Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Sabah 1977	X	93 – 104	12
EPAI Johor 1978	IX	142 – 185	44

Sumber : Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia

Secara khususnya, pada peringkat awal perkembangan undang-undang jenayah Islam selepas kemerdekaan, bentuk-bentuk kesalahan jenayah syariah yang diperuntukkan dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam tersebut boleh dikategorikan seperti berikut:<sup>66</sup>

1. Kesalahan-kesalahan berhubung matrimoni iaitu isteri tidak taat, suami tidak menyempurnakan kewajipannya kepada isteri seperti melakukan penderaan, meninggalkan isteri dan sebagainya. Ketidakadilan dalam poligami,

<sup>66</sup> Ahmad Ibrahim (1975), "Offences-Evidence-Procedure", dalam Shirle Gordon (ed.), *Islamic Law In Malaya*. Kuala Lumpur : Malaysian Sociological Research Institute Ltd., h. 316.

perkahwinan dan perceraian yang tidak sah dari segi undang-undang dan isteri membuat helah untuk bercerai dengan suaminya

2. Kesalahan-kesalahan berhubung dengan maruah diri iaitu bersekedudukan, berkhalwat, berzina, melacurkan diri, sumbang muhram, persetubuhan haram dan muncikari.
3. Kesalahan-kesalahan berhubung dengan amalan agama dan kesucian institusinya iaitu tidak menuaikan sembahyang Jumaat, meminum minuman yang memabukkan, tidak menghormati bulan Ramadan dan hari kebesaran Islam, mengajar agama tanpa tauliah, hasutan meninggalkan kewajipan agama, pendapat yang bertentangan dengan fatwa, mempersendakan upacara Islam, penerbitan buku-buku agama yang bertentangan dengan hukum Syarak, mengingkari perintah ketua agama Islam iaitu Sultan, Majlis dan Mahkamah Syariah, tidak membayar zakat atau membayar zakat menyalahi undang-undang dan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh amil seperti menggunakan wang dengan cara yang salah atau memungut wang tanpa kebenaran Majlis.
4. Kesalahan-kesalahan berhubung dengan akidah dan keimanan iaitu membuat da'ayah, ajaran salah dan mempersendakan ayat al-Quran dan al-Hadith
5. Kesalahan-kesalahan berhubung dengan kesejahteraan dan ketenteraman awam iaitu melarikan anak dara orang, anak dara yang lari dari penjaganya, menjual atau memberi anak kepada orang bukan Islam secara tidak sah dan melarikan isteri orang.
6. Bersubahat dalam melakukan perkara-perkara di atas.

Umumnya, tujuan utama perundangan memperuntukkan kesalahan-kesalahan ini adalah semata-mata untuk mengawal salahlaku orang-orang Islam dan menghukum pihak-pihak yang terlibat dalam kesalahan seksual serta menguatkuasakan aspek kerohanian dalam kehidupan orang-orang Islam dari segi sembahyang, puasa dan pembayaran zakat serta fitrah. Selain daripada menguatkuasakan kesalahan-kesalahan berkaitan statutori dan pentadbiran seperti kegagalan mendaftarkan perkahwinan dan perceraian serta upacara perkahwinan yang menyalahi undang-undang.<sup>67</sup>

Jika diteliti, peruntukan hukuman bagi setiap kesalahan jenayah Syariah tersebut juga jauh dari menepati hukuman sebenar dalam Islam. Ini kerana bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam menjatuhkan hukuman pada masa berkenaan adalah tertakluk dan terikat dengan Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 yang hanya memberi kuasa kepada hakim untuk menjatuhkan hukuman enam bulan penjara dan denda RM1,000 sahaja. Oleh itu, hukuman yang diperuntukkan dalam enakmen-enakmen berkenaan adalah antara lingkungan denda RM25 atau penjara 15 hari, denda RM50, denda RM100 atau penjara sebulan, denda RM200 atau penjara dua atau empat bulan, denda RM500 atau penjara tiga bulan dan denda RM1,000 atau penjara enam bulan. Bagi Perlis<sup>68</sup> dan Perak<sup>69</sup>, enakmen negeri-negeri ini memperuntukkan hukuman penjara maksimum sehingga setahun bagi kesalahan berat seperti zina dan melarikan anak dara orang kerana undang-undang pentadbiran agama Islam bagi negeri-negeri tersebut digubal sebelum penggubalan Akta.

<sup>67</sup> M. B Hooker (1991), *Undang-undang Islam di Asia Tenggara*. Rohani Abd. Rahim *et.al* (terj.) , Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 183.

<sup>68</sup> Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perlis No. 3 1964 seksyen 117.

<sup>69</sup> Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perak No. 11 1965, seksyen 155, 181.

Sementara, hukuman maksimum yang diperuntukkan di negeri-negeri yang lain adalah denda RM1,000 atau penjara enam bulan atau kedua-duanya. Peruntukan kesalahan dan hukuman ini boleh dilihat dalam enakmen-enakmen pentadbiran negeri-negeri seperti berikut:

1. *Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah 1962* iaitu bagi kesalahan berzina, persetubuhan haram, membina masjid tanpa kebenaran Majlis, menerbitkan buku-buku agama bertentangan dengan syarak, menyebarkan ajaran karut dan sesat, melanggar kewajipan agama, mencerca dan menghina agama.<sup>70</sup>
2. *Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor 1952 (Pindaan 1983)*: kesalahan mabuk, berzina, masjid yang tiada kebenaran, ilmu salah, mengeluarkan pendapat yang bertentangan dengan fatwa, menerbitkan buku-buku agama bertentangan dengan syarak, menggunakan al-Quran di tempat tidak sepatutnya, melanggar perintah agama dan melanggar hukuman agama.<sup>71</sup>
3. *Enakmen Pentadbiran Igama Islam Johor 1978*: kesalahan khalwat, persetubuhan haram, bersekedudukan haram di antara orang yang bercerai, bersekedudukan, kesalahan memakai wang, mempermainingkan ayat al-Quran, mempersendakan upacara agama, melanggar perintah pihak berkuasa agama, mencerca agama, pelacuran, muncikari, melarikan anak dara orang, menjual

<sup>70</sup> Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah No. 8 1965, seksyen 151, 152, 159, 163, 161, 166 dan 164.

<sup>71</sup> Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor No. 3 1952, seksyen 151, 165, 166, 169, 167, 168, 170, 171, 172 dan 173.

atau memberi anak kepada orang bukan Islam dan mlarikan perempuan atau isteri orang.<sup>72</sup>

Manakala, hukuman minimum adalah denda antara RM25 hingga RM50 atau penjara antara 15 hari hingga sebulan bergantung kepada jenis kesalahan. Kesalahan-kesalahan yang boleh dikategorikan di bawah hukuman minimum ini adalah seperti kesalahan-kesalahan matrimoni seperti tidak melaporkan perkahwinan atau meninggalkan isteri, tidak menghormati bulan Ramadan dan tidak menunaikan solat Jumaat. Di Pulau Pinang, kesalahan seumpama itu hanya dikenakan denda RM25.<sup>73</sup> Manakala di negeri lain seperti Perak,<sup>74</sup> Kedah<sup>75</sup> dan Johor<sup>76</sup> hukumannya antara denda RM50 hingga RM100 atau penjara 15 hari hingga sebulan. Tiada hukuman sebat diperuntukkan dalam setiap enakmen selaras dengan sekatan dalam Akta.

Peruntukan-peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan jenayah syariah dalam EPAI ini terus terpakai dan ditadbir di Mahkamah Syariah dengan pindaan-pindaan yang bersesuaian dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan umat Islam dan mengemaskini pentadbiran yang tidak bertentangan dengan Akta. Selangor umpamanya telah membuat pindaan terhadap enakmen pentadbirannya dari pelbagai aspek termasuklah meminda kadar hukuman daripada RM100 dan penjara satu bulan kepada kadar yang lebih tinggi. Dengan pindaan ini, hukuman minimum adalah

<sup>72</sup> Enakmen Pentadbiran Igama Islam Johor No. 14 1978, seksyen 152, 153, 154, 155, 161, 171, 171, 172, 173, 178, 179, 180, 181, 182 dan 183.

<sup>73</sup> Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pulau Pinang No. 3 1959, seksyen 144, 145, 146 dan 152.

<sup>74</sup> Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perak No. 11 1965, seksyen 148, 149, 151, 152, 153, 159 160 dan 161.

<sup>75</sup> Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah No. 9 1965, seksyen 143, 147, 148, 154 dan 155.

<sup>76</sup> Enakmen Pentadbiran Igama Islam Johor No. 14 1978, seksyen 143, 145, 147, 148 dan 149.

denda RM200 dan maksimum denda RM1,000 dan penjara enam bulan. Pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) pada tahun 1984 telah memberi ruang kepada hakim syar'ie untuk menjatuhkan hukuman yang lebih berat iaitu penjara tidak lebih tiga tahun atau denda tidak lebih RM5,000 atau enam kali sebantan atau kombinasi mana-mana hukuman tersebut.

Pada masa yang sama juga, akhir tahun 80-an, perubahan telah dibuat terhadap EPAI dengan mengasingkan bidang kuasa undang-undang Islam seperti undang-undang keluarga, jenayah syariah dan acara mal dan jenayah kepada enakmen-enakmen berasingan supaya peruntukan undang-undang tersebut lebih kemas, terperinci dan menyeluruh. Justeru itu, bagi kesalahan-kesalahan jenayah syariah, kebanyakannya negeri-negeri di Malaysia telah menggubal EKJS yang khusus dan berasingan dari enakmen pentadbiran tersebut iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Selangor, Sarawak, Negeri Sembilan, Melaka, Perak dan Wilayah Persekutuan diikuti kemudiannya oleh negeri-negeri lain pada akhir tahun 90-an sehingga kini.<sup>77</sup>

### **2.3.2 Rujukan Undang-undang Jenayah di Mahkamah Syariah Tahun 1990-an hingga 2002**

Bermula tahun 90-an hingga kini, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa terhadap undang-undang jenayah syariah yang lebih kemas dan terperinci walaupun masih terbatas dan sempit setakat peruntukan yang dibenarkan dalam Perlembagaan. Ini kerana, antara tahun-tahun 90-an sehingga 2002, kesemua negeri

---

<sup>77</sup> Mahmood Zuhdi b. Abd. Majid, *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, h. 77.

di Malaysia telah memperuntukkan dan menguatkuasakan undang-undang jenayah dalam empat enakmen negeri yang khusus dan sistematik selain peruntukan yang tersendiri mengenai kesalahan jenayah syariah dalam EKJS. Lima aspek undang-undang tersebut adalah seperti berikut:<sup>78</sup>

- 1) Kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan di bawah Undang-undang Pentadbiran Agama Negeri-negeri iaitu kesalahan-kesalahan berkaitan Majlis Agama Islam, Jabatan Mufti dan Baitul Mal seperti kesalahan membina masjid tanpa kebenaran, kesalahan mengutip derma tanpa kebenaran Majlis Agama Islam, mengajar tanpa tauliah dan sebagainya.
- 2) Kesalahan-kesalahan di bawah Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri atau kesalahan matrimoni seperti kesalahan yang berhubung dengan akadnikah dan kesalahan pelbagai berkaitan suami isteri.
- 3) Kesalahan-kesalahan di bawah Undang-undang Jenayah Syariah yang secara khususnya memberikan peruntukan berkaitan jenayah berkenaan.
- 4) Kesalahan-kesalahan di bawah Undang-undang Acara Jenayah Syariah seperti penghinaan mahkamah, memberi keterangan atau pernyataan palsu, ingkar arahan undang-undang dengan niat mendatangkan bencana kepada orang lain, enggan mengangkat sumpah apabila dikehendaki oleh pegawai agama dan sebagainya.
- 5) Kesalahan-kesalahan di bawah Undang-undang Acara Mal Syariah iaitu penghinaan terhadap mahkamah.

Jadual 2.2 berikut menyenaraikan secara terperinci undang-undang terkini yang digubal dan dikuatkuasakan di negeri-negeri di Malaysia yang boleh dirujuk

---

<sup>78</sup> Syeikh Ghazali Ab. Rahman, "Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Islamic Criminal Justice System pada 25-27 Ogos, 2003), h. 12-16.

oleh Mahkamah Syariah bagi negeri masing-masing dalam melaksanakan bidang kuasa jenayahnya.

**Jadual 2.2 : Senarai Perundangan Islam Berkaitan Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia**

Bil	Negeri	Undang-undang
1	Kedah	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pindaan Ke 10), 2000, En. 2/2000 Enakmen Keluarga Islam (Pindaan) 1984, En. 1/1984 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Pindaan Pertama), 1990, En. 3/1991 Enakmen Acara Jenayah Syariah (Pindaan), 1999, En. 1/1999 Enakmen Aturcara Mal Islam (Pindaan Pertama), 1991, En. 10/1999
2	Perlis	Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam, 1963 (Pindaan) 1995, En. 9/1995 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam, 1991, En. 4/1992 Enakmen Jenayah Dalam Syarak, 1991, En. 4/1993 Enakmen Prosedur Jenayah Dalam Syarak, 1991, En. 7/1993 Enakmen Prosedur Mal Mahkamah Syariah, 1991, En. 5/1993
3	Perak	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pindaan), 1998, En. 1/1998 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Pindaan), 1996, En. 3/1996 Enakmen Jenayah (Syariah), 1992, En. 3/1992 Enakmen Kanun Acara Jenayah (Syariah), 1994, En. 4/1994 Enakmen Acara Mal Mahkamah Syariah, 1996, En. 3/1996
4	Pulau Pinang	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Pindaan), 2000, En. 4/2000 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) (Pindaan), 1993, En. 6/1993 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang), 1996, En. 3/1996 Enakmen Acara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang), 1996, En. 4/1996 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang), 1999, En. 4/1999

“Jadual 2.2, sambungan”

5	Negeri Sembilan	Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) (Pindaan), 1999, En. 2/1999 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan), 1991, En. 4/1991 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan), 1992, En. 4/1992 Enakmen Prosedur Jenayah Syariah (Negeri Sembilan), 1992, En. 3/1992
6	Selangor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Enakmen Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor), 1995, En. 9/1995 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003
7	Wilayah Persekutuan	Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993, Akta 505 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984, Akta 303 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1997, Akta 559 Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1997, Akta 560 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1998, Akta 585
8	Melaka	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, En. 7/2002 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, 2002, En. 12/2002 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka), 1991, En. 6/1991 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka), 2002, En. 9/2002 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Melaka), 2002, En. 13/2002
9	Johor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pindaan), 1996, En. 4/1996 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Pindaan), 1994, En. 5/1994 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah, 1997, En. 4/1997 Enakmen Kanun Prosedur Jenayah Syariah, 1997, En. 3/1997

“Jadual 2.2, sambungan”

10	Pahang	Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, 1991, En. 3/1991 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Pindaan), 1999, En. 1/1999 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah, 2002 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002, En. 8/ 2002 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2002, En. 9/2002
11	Kelantan	Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Pindaan), 1998, En. 3/1998 Enakmen Keluarga Islam 2002, En. 6/2002 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Pindaan), 1987, En. 4/1987 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002, En. 8/2002 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah, 2002, En. 7/2002
12	Terengganu	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu), 2001, En. 2/2001 Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam, 1985, En. 12/1985 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu), 2001, En. 7/2001 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu), 2001, En. 5/2001 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu), 2001, En. 4/2001
13	Sabah	Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, 1992 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, 1992, En. 15/1992 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah, 1995 Enakmen Prosedur Jenayah Syariah, 1993
14	Sarawak	Ordinan Undang-undang Keluarga Islam, 1991, Ord. 5/1991 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah, 1991, Ord. 6/1991 Kanun Acara Jenayah Syariah, 1991, Ord. 8/1991 Ordinan Acara Mal Mahkamah Syariah, 1991, Ord. 7/1991

Sumber : Jabatan Peguam Negara

Berdasarkan senarai undang-undang dalam jadual di atas, kesemua negeri-negeri di Malaysia telah memperuntukkan undang-undang Islam yang lebih kemas dan terperinci khususnya dalam aspek yang berkaitan dengan bidang kuasa jenayah

Islam. Situasi yang berlaku ini adalah satu perkembangan yang sangat baik bagi memastikan undang-undang jenayah Islam dapat dilaksana dan dikuatkuasa dengan baik walaupun masih tidak terkeluar dari batasan dan bidang kuasanya yang sempit berbanding undang-undang jenayah sivil dalam Kanun Kesejahteraan yang lebih luas bidang kuasa dan pemakaianya di peringkat Mahkamah Awam.

## **2.4 Kesimpulan**

Kesimpulannya, kepentingan kajian penulis dalam bab ini adalah untuk menjelaskan medium utama dalam pentadbiran keadilan jenayah syariah di Malaysia melalui penubuhan Mahkamah Syariah dan perkembangan penggubalan dan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah antara tahun 1952 iaitu peruntukan dalam EPAI sehingga akhir tahun-tahun 80-an dengan penggubalan undang-undang kesalahan jenayah syariah yang lebih khusus dan terperinci. Pada permulaan pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di Mahkamah Syariah, peruntukan kesalahan jenayah syariah hanya terdapat dalam EPAI negeri-negeri yang bercampur dengan pelbagai undang-undang yang lain. Sehingga pada akhir tahun 80-an sehingga kini, terdapat negeri-negeri yang telah mengasingkan terus peruntukan kesalahan jenayah syariah dalam satu undang-undang yang khusus selain peruntukan kesalahan-kesalahan yang berkaitan pentadbiran, matrimoni dan prosedur dalam undang-undang pentadbiran agama Islam, undang-undang keluarga Islam, undang-undang prosedur mal dan jenayah syariah.

Perkembangan tersebut adalah hasil pindaan terhadap bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah pada tahun 1984 melalui Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984. Dengan pindaan tersebut telah menyebabkan negeri-negeri mengasingkan terus bahagian kesalahan daripada EPAI dan menggubal EKJS untuk disesuaikan dengan had maksimum kadar hukuman yang baru. Justeru, kajian penulis dalam bab seterusnya adalah analisis kepada perkembangan undang-undang jenayah Islam pada masa kini dengan fokus perbincangan mengenai kesalahan-kesalahan jenayah syariah sebagaimana yang diperuntukkan dalam EKJS negeri-negeri di Malaysia.